



Buletin

INSTUN



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

FEBRUARI 2026

PROGRAM LATIHAN PENGENDALIAN DAN PEMROSESAN PENGIMEJAN TELESKOP

Muka Surat 10



KURSUS REKA BENTUK KANDUNGAN DIGITAL VIDEO (CAPCUT DESKTOP)

Muka Surat 19



ISSN 2600-853X



9 772600 853003

**MENARIK
DI DALAM**

**TAKLIMAT
GERAK KERJA
PENERBITAN**

Muka Surat 23

**LAWATAN
TAPAK
PEMBAIKAN CERUN
OLEH JKR MUALLIM**

Muka Surat 31



www.instun.gov.my



Institut Tanah Dan Ukur Negara



[instun_official](https://www.instagram.com/instun_official)



INSTUN



INSTUN ACADEMY

#MelakarKegemilanganMendahuluiCabaran

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK ZULHASMI BIN MOHAMAD

KETUA EDITOR
CIK NORIMAH BINTI WAHAB

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR
UKP BPP
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2026 bagi bulan Februari telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Februari. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



BENGKEL MANUAL KANUN TANAH NEGARA SIRI 3

TARIKH : 3 dan 4 Februari 2026.

TEMPAT : Dewan Kuliah Induksi (DKI) INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Bengkel ini melibatkan 39 pegawai yang terdiri daripada INSTUN, JKPTG, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah. Pelaksanaan bengkel ini menyasarkan pencapaian iaitu menambah baik kandungan Manual Kanun Tanah Negara mengikut kesesuaian semasa, memastikan perbincangan secara menyeluruh kerana melibatkan pegawai pelbagai latar belakang, meningkatkan kefahaman terhadap Kanun Tanah Negara kerana penyediaan manual secara lebih spesifik pada sesuatu topik dan meningkatkan kefahaman dan pengetahuan dari kalangan peserta bengkel yang merupakan penceramah.




KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH - MODUL I : BILANGAN 1 (MODUL KANUN TANAH NEGARA)

TARIKH : 9 – 12 Februari 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik , INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 16 orang terdiri daripada pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Tanah dan Galian/ Pejabat Daerah dan Tanah. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut :

- Intisari sistem Pentadbiran Tanah di Malaysia dan pengenalan kepada Kanun Tanah Negara (KTN).
- Pelupusan Tanah secara pemberimilikan dan pelanjutan tempoh pajakan di bawah Seksyen 90A.
- Pelupusan Tanah secara selain pemberimilikan – perizaban & pajakan tanah rizab, Lesen Pendudukan Sementara (LPS).
- Pelupusan Tanah secara selain pemberimilikan – permit bahan batuan, permit dan LPS disatukan, permit ruang udara.
- Bentuk hak milik, kategori, syarat dan sekatan kepentingan.
- Pembangunan Tanah – tukar kategori, syarat dan sekatan kepentingan.
- Pembangunan Tanah – pecah sempadan, pecah sempadan dan tukar syarat serentak di bawah KTN.
- Konsep pemilikan dan penamatan hak milik bersama di Bawah KTN.
- Pembangunan Tanah – penyatuan tanah, serah balik (S197), serah balik dan berimilik semula (S204) di bawah KTN dan penggunaan dan pengurusan surat.
- Kuasa wakil dalam pembangunan tanah
- Laporan Tanah, Surihan dan Penyediaan kertas majlis mesyuarat kerajaan negeri (MMK) dan Permohonan Ukur (PU).
- Pembentangan tugas kumpulan.




KURSUS DALAM TALIAN: PINDAH MILIK TANAH – KEPERLUAN DAN PROSEDUR (TKE02/26)

TARIKH : 12 Februari 2026.

TEMPAT : Dalam Talian *Google Meet*.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 54 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan aspek pendaftaran bagi pindah milik tanah. Penceramah En Zahar bin Sapar.




KURSUS DALAM TALIAN: PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU (TLE03/26)

TARIKH : 4-5 Februari 2026.


TEMPAT : Dalam Talian *Google Meet*.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 54 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan tanah Rizab Melayu. Penceramah INSTUN Pn Noranizawaty binti Yusof, En Zahar bin Sapar dan Dr.Azrihisyam bin Jambut. Penceramah jemputan Tn Hj Jaiya bin Abu dari JKPTG.



The screenshot shows a Google Meet interface. On the left, a presentation slide titled "Syarat kelulusan" (Conditions for Approval) is displayed. The slide contains a table with four columns: "Syarat", "Perah Sampahan", "Perah Bahagian", and "Penyusunan". The table lists various conditions for approval, including not endangering public safety, not endangering public health, and not endangering public property. On the right, a video call window shows a participant wearing a headset, likely a speaker or a participant.

Syarat	Perah Sampahan	Perah Bahagian	Penyusunan
a	Tidak mengangar apa-apa sekatan kepentingan		
b	Tidak mengangar apa-apa perundangan bertulis yang sedang berkuatkuasa		
c	- Keputusan pihak berkuasa perancangan - Tidak bertentangan dengan perancangan PBN - Keputusan rasmi dari mana-mana badan/pihak berkuasa		
d	penyerahan tanah bagi makmal awam		
e	Tidak item hasil tanah terbitang		



The screenshot shows a Google Meet interface. On the left, a document titled "KURSUS DALAM TALIAN: PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU" is displayed. In the center, a grid of participants is visible, each with a colored background and a letter (P, N, A, W, N, S, etc.). On the right, a video call window shows a participant wearing a headset, likely a speaker or a participant.

PENGURUSAN HASIL TANAH

TARIKH : 24-25 Februari 2026.

TEMPAT : Dalam talian *Google Meet*.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 60 orang dari pelbagai Kementerian/ Jabatan. Objektif kursus ini bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai aspek pengurusan hasil tanah.



KURSUS PENSIJILAN PENGURUSAN PROJEK AWAM BERSEPADU (3PAB) VERSI 2.0 TAHUN 2026

TARIKH : 06 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Kuliah Zamrud, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB) merupakan kursus pensijilan berkaitan pengurusan projek yang melibatkan elemen pentadbiran dan perundangan tanah. Justeru, INTAN telah menjemput penceramah INSTUN untuk berkongsi kepada para peserta bagi meningkatkan kefahaman proses dan prosedur pengurusan tanah dan undang-undang yang berkaitan. Penceramah En Azman bin Mad Dali telah mendedahkan kepada peserta berkaitan Pengurusan Tanah Persekutuan.



KURSUS PERSEDIAAN PEPERIKSAAN AMALAN UKUR KADASTER - (UK01/25)

TARIKH : 10 FEBRUARI 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM: Bagi melahirkan Jurukur Tanah yang kompeten BUP INSTUN telah menganjurkan Kursus Persediaan Peperiksaan Amalan Ukur Kadaster. Kursus ini merupakan syarat wajib bagi mereka yang hendak mendapatkan pengiktirafan sebagai Jurukur Tanah Berlesen. Sebagai seorang Jurukur Tanah, asas undang-undang tanah amat penting terutamanya berkaitan Hakmilik. Justeru, 2 penceramah BPPT telah dijemput bagi berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan Kanun Tanah Negara.



MODUL PENTADBIRAN DAERAH DAN TANAH PROGRAM DPA INTAN TAHUN 2025/2026

TARIKH : 20 - 21 Februari 2026.

TEMPAT : INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

RINGKASAN PROGRAM : Pada tahun 2026 ini, sekali lagi BPPT INSTUN telah diberi kepercayaan untuk menyediakan dan menyampaikan perkongsian berkaitan Sistem Pentadbiran dan Perundangan tanah Malaysia kepada peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam anjuran INTAN. Perkongsian telah disampaikan sendiri oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim dan beberapa penceramah BPPT. Semoga perkongsian pengalaman dan ilmu memberi inspirasi kepada semua kadet dalam memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik.



KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS ASAS HAKMILIK STRATA BILANGAN 1 - (TLE04/26)

TARIKH : 10 – 11 Februari 2026

TEMPAT : Dalam talian *Google Meet*.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 69 orang dari pelbagai Kementerian/Jabatan. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan asas hakmilik strata.

Penceramah Jemputan:

1. Encik Mohd Zoolhalmy bin Razali
2. Encil Nasrul Izani bin Ramli
3. Puan Suhaila binti Ibrahim
4. Puan Chew Shy Houy
5. Encik Muhammad Ismail bin Kahir
5. Puan Nurul Nadia binti Watimin



PROGRAM LATIHAN PENGENDALIAN DAN PEMROSESAN PENGIMEJAN TELESKOP

TARIKH : 3 - 6 Februari 2026.

TEMPAT : Observatori Negara Langkawi (ONL).

RINGKASAN PROGRAM : Meningkatkan kemahiran petugas unit astronomi INSTUN dalam mengendalikan teleskop dan membuat pemprosesan data. Penglibatan: Ketua Program Seksyen Geodetik, Penolong Ketua Program serta Penyelaras kanan dan penyelaras di Seksyen Geodetik, Bahagian Ukur dan Pemetaan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Program latihan selama tiga (3) hari ini telah dijalankan dengan bantuan tunjuk ajar oleh kakitangan pengurusan Observatori Negara Langkawi iaitu Encik Mohammad Redzuan Tahar dan Encik Karzaman. Pasukan unit astronomi INSTUN telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan asas berkaitan komponen peralatan teleskop selain asas-asas tentang optik dan warna beserta kaedah sesuatu peranti memaparkan gambar. Melalui pengetahuan asas, maka setiap instrumen yang digunakan dalam menjalankan kerja cerapan dan pemprosesan data akan lebih difahami dan dilaksanakan dengan lebih baik.

Selain itu, pihak ONL turut membawa kami di Balai Cerap Stellar 1 dan Balai Cerap Solar bagi pembelajaran berkaitan penggunaan teleskop serta pencerapan solar serta bintang. Melalui data yang dicerap, mereka telah mengajarkan tentang kaedah pemprosesan menggunakan perisian astronomi yang digunakan di ONL.



KURSUS UKEO2/26 DALAM TALIAN : PENYEDIAAN PELAN MENGGUNAKAN PERISIAN COMPUTER AID DESIGN (CAD)

TARIKH : 4 Februari 2026.


TEMPAT : Secara dalam talian.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Dalam Talian: Penyediaan Pelan Menggunakan Perisian Computer Aided Design (CAD) telah berlangsung secara dalam talian (pelantar *Google Meet*) pada 4 Februari 2026. Seramai 67 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini. Para penceramah kursus adalah:

1. Sr Khadijah Binti Sahdan (INSTUN)
2. En. Mohd Azlan Bin Tarmiti (INSTUN)

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tatacara penggunaan perisian Computer Aided Design (CAD) dalam penyediaan pelan. Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa. Serta di samping itu dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan dengan lancar. Slaid pembentangan, nota dan video kursus yang telah disediakan dapat membantu para peserta untuk lebih faham dengan lebih jelas terhadap apa yang disampaikan oleh penceramah kursus. Berdasarkan penilaian, para peserta berpuas hati dengan pengisian kursus dari aspek slot ceramah dan penyediaan bahan kursus. Segala cadangan dan usul yang telah dimaklumkan oleh para peserta akan dipertimbangkan dan penambahbaikan akan dilakukan pada masa akan datang bagi melicinkan perjalanan kursus.



KURSUS UKE0326 DALAM TALIAN : PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH

TARIKH : 10 Februari 2026.



TEMPAT : Secara dalam talian.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Dalam Talian: Pemetaan Utiliti Bawah Tanah telah berlangsung secara dalam talian (pelantar Google Meet) pada 10 Februari 2026. Seramai 56 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini. Para penceramah kursus adalah:

1. Mohamad Syafiq Bin Mohd Rossli (INSTUN)
2. Mohd Harris Hafizi Bin Mohd Shahidan (JUPEM)

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kaedah pengukuran di lapangan, pemprosesan data, penghasilan peta utiliti dan teknologi pemetaan utiliti yang digunapakai di JUPEM. Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa. Serta di samping itu dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan dengan lancar. Slaid pembentangan, nota dan video kursus yang telah disediakan dapat membantu para peserta untuk lebih faham dengan lebih jelas terhadap apa yang disampaikan oleh penceramah kursus. Berdasarkan penilaian, para peserta berpuas hati dengan pengisian kursus dari aspek slot ceramah dan penyediaan bahan kursus. Segala cadangan dan usul yang telah dimaklumkan oleh para peserta akan dipertimbangkan dan penambahbaikan akan dilakukan pada masa akan datang bagi melicinkan perjalanan kursus.



SESI PERBINCANGAN BERKAITAN PENGGUNAAN PUSAT KALIBRASI PERALATAN PENGESANAN UTILITI BAWAH TANAH DI INSTUN DAN PERSEDIAAN PENGANJURAN KURSUS PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH BERSAMA JUPEM

TARIKH : 11 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Bahagian Pemetaan Utiliti JUPEM dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi Makmal Ujian Alat Pemetaan Utiliti Bawah Tanah di Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur yang dijadualkan akan dilaksanakan pada bulan April 2026.

Satu perbincangan lanjut bersama INSTUN berkenaan dengan cadangan penggunaan Pusat Kalibrasi Peralatan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah di INSTUN bagi tujuan kalibrasi peralatan pengesanan utiliti oleh JUPEM Negeri/Juruukur Tanah Berlesen (JTB) telah dibuat. Disamping itu, perbincangan berkaitan dengan persediaan bagi penganjuran bersama bagi Kursus Pemetaan Utiliti Bawah Tanah yang dijadualkan pada Jun dan Ogos 2026 nanti.






KURSUS UPEO2/26 DALAM TALIAN : ASAS KARTOGRAFI DAN PENERBITAN PETA

TARIKH : 12 Februari 2026.

TEMPAT : Secara dalam talian.

RINGKASAN PROGRAM: Penceramah dalaman yang terlibat ialah Sr Fauzani binti Azam, Sr Muhammad Sadiq bin Abdul Jabar dan En. Mohd Shahrol Mizam bin Osman. Semoga kursus ini memberi manfaat dan menambah ilmu pengetahuan peserta.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL BUP SEMPENA MENYAMBUT RAMADAN

TARIKH : 13 Februari 2026 .

TEMPAT : Kafe Pusat Kalibrasi, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : BUP menganjurkan majlis bacaan yasin dan tahlil sempena menyambut bulan Ramadan yang akan datang serta sambutan hari lahir bagi pegawai di BUP yang lahir dari bulan Januari sehingga bulan Mac serta mengeratkan lagi ukhuwah warga BUP.



SESI PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK BERKAITAN PEMETAAN PERTANIAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI UNMANNED AIRCRAFT SYSTEM (UAS)

TARIKH : 13 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN berhasrat untuk meneroka kolaborasi teknikal dan penyelidikan bersama pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Fokus utama kerjasama ini adalah untuk memperkasakan penggunaan teknologi Unmanned Aerial System (UAS) dalam sektor pemetaan pertanian.

Satu sesi perbincangan awal telah dicadangkan bagi memperincikan ruang kerjasama yang merangkumi aspek perkongsian kepakaran, latihan teknikal serta potensi projek rintis pemetaan di kawasan pertanian terpilih.



KURSUS UPE03/26 DALAM TALIAN : ASAS APLIKASI PERISIAN GIS (QGIS)

TARIKH : 24 Februari 2026.

TEMPAT : Secara dalam talian.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini dihadiri oleh 66 orang peserta secara dalam talian daripada pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta. Penceramah dalaman yang terlibat ialah seperti berikut:

1. Sr Fauzani binti Azam
2. Sr Muhamad Sadiq bin Abdul Jabar
3. Sr Khadijah binti Sahdan

Semoga kursus ini memberi manfaat dan menambah ilmu pengetahuan peserta.



SESI PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK BERKAITAN PEMETAAN PERTANIAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI UNMANNED AIRCRAFT SYSTEM (UAS)

TARIKH : 13 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN berhasrat untuk meneroka kolaborasi teknikal dan penyelidikan bersama pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Fokus utama kerjasama ini adalah untuk memperkasakan penggunaan teknologi Unmanned Aerial System (UAS) dalam sektor pemetaan pertanian.

Satu sesi perbincangan awal telah dicadangkan bagi memperincikan ruang kerjasama yang merangkumi aspek perkongsian kepakaran, latihan teknikal serta potensi projek rintis pemetaan di kawasan pertanian terpilih.



KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS PENGURUSAN PUSAT DATA (TME02/26)

TARIKH : 04 Februari 2026.



TEMPAT : Secara dalam talian.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2026 di bawah bidang Teknologi Maklumat. Kursus ini dilaksanakan selama satu (1) hari secara dalam talian iaitu pada 4 Februari 2026. Kursus ini telah melibatkan seramai 53 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus yang diadakan secara dalam talian ini telah dijalankan dengan menggunakan pelantar zoom di Smart Class Room (Inspire), Blok Akademik B. Kursus ini ternyata memberikan impak positif yang mana para peserta bukan sahaja memberikan tumpuan, malah berinteraksi secara aktif dengan penceramah sekali gus mewujudkan suasana pembelajaran yang sangat fleksibel dan interaktif. Peserta amat berpuas hati dengan pengisian kursus yang komprehensif merangkumi aspek standard keselamatan, ketersediaan sistem dan pengurusan tenaga yang kritikal dalam pengoperasian pusat data moden.

Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan kepada pegawai berkenaan pengurusan pusat data dari segi reka bentuk, operasi dan keselamatan berdasarkan garis panduan dan standard reka bentuk pusat data antarabangsa. Isi kandungan bagi kursus ini adalah :

- 1) Pengenalan Kepada Pusat Data
- 2) Standard Dan Garis Panduan Pusat Data
- 3) Pengenalan Kepada Reka Bentuk Pusat Data
- 4) Pengurusan Operasi & Keselamatan Pusat Data
- 5) Amalan Terbaik Pengurusan Green Data Centre
- 6) Technology Hyper Converged Infrastructure (HCI)

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dalam Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN Ts. Lizawati Binti Zainal, Urus Setia dan semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



KURSUS REKA BENTUK KANDUNGAN DIGITAL VIDEO (CAPCUT DESKTOP)


TARIKH : 11 - 13 Februari 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Reka Bentuk Kandungan Digital Video (Capcut Desktop) (TM01/26) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2026 di bawah kategori Multimedia Kreatif (Digital Video). Kursus ini dilaksanakan selama tiga (3) hari, iaitu pada 11 hingga 13 Februari 2026.

Kursus ini telah melibatkan seramai 39 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (hands-on lab) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat mempelajari asas penggunaan aplikasi capcut, mempelajari teknik penggunaan tools dan features capcut dan berke mahiran untuk menghasilkan sebuah kandungan (content) video. Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kuala Ketil iaitu Encik Mohammad Farihan bin Abdullah dan Encik Mohamad Ishak bin Md Ali dari Pejabat Pendidikan Daerah Baling sebagai fasilitator, serta barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



MESYUARAT PENGURUSAN BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BILANGAN 2 TAHUN 2026

TARIKH : 25 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Pengurusan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Bilangan 2 Tahun 2026 telah dilaksanakan pada 25 Februari 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Encik Zulhasmi bin Mohamad selaku Ketua Bahagian R&D dan dihadiri oleh 16 orang kakitangan, manakala seorang kakitangan tidak dapat hadir.

Tujuan utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan status tugas terkini serta menyelaraskan perancangan strategik bahagian bagi memastikan setiap sasaran tahun 2026 dapat dicapai dengan efektif. Selain itu, mesyuarat ini turut berfungsi sebagai platform bagi ketua bahagian untuk menyampaikan amanat serta memantau pengurusan sumber manusia dan teknikal di bawah seliaan beliau. Perbincangan yang dijalankan secara dua hala ini membolehkan isu-isu berbangkit diselesaikan segera demi kelancaran operasi Bahagian R&D secara keseluruhannya.



MESYUARAT PASUKAN AUDIT DALAM ISO 9001:2015 INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) BILANGAN 1 TAHUN 2026

TARIKH : 26 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Pasukan Audit Dalam ISO 9001:2015 Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) Bilangan 1 Tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 26 Februari 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dengan kehadiran penuh semua ahli pasukan audit.

Agenda utama mesyuarat tertumpu kepada pemakluman tarikh-tarikh penting bagi kalendar kualiti tahun 2026, merangkumi jadual pelaksanaan bengkel, garis masa audit dalam INSTUN, serta persediaan bagi menghadapi audit pensijilan. Selain itu, ahli mesyuarat turut membincangkan secara terperinci mengenai penemuan audit tahun lalu dan menyelesaikan isu-isu berbangkit bagi memastikan sistem pengurusan kualiti organisasi sentiasa ditambah baik. Komitmen penuh daripada semua ahli yang hadir mencerminkan kesediaan pasukan dalam mengekalkan piawaian MS ISO 9001:2015 di INSTUN.



PROGRAM JOM SIHAT @ INSTUN

TARIKH : Sepanjang hari Rabu bulan Februari 2026.

TEMPAT : Perkarangan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Program Jom Sihat bagi bulan Januari telah dilaksanakan pada 4 dan 11 Februari 2026. Program dimulakan pada jam 7.45 pagi dengan senaman ringkas, kemudian peserta boleh melaksanakan aktiviti sukan masing-masing seperti *briskwalk*, berbasikal, bersenam di gimnasium, bermain badminton, tenis dan bola tampar. Seramai 58 orang kakitangan INSTUN telah menyertai program ini.



TAKLIMAT GERAK KERJA PENERBITAN

TARIKH : 13 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Taklimat gerak kerja penerbitan INSTUN telah dilaksanakan pada 13 Februari 2026 melibatkan Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan, pereka dan wakil setiap bahagian. Tujuan taklimat ini diadakan ialah untuk membentangkan gerak kerja proses penerbitan buku dan garis masa proses penerbitan yang perlu dipatuhi agar proses penerbitan buku-buku INSTUN pada tahun ini berjalan dengan lancar.



SESI PERKONGSIAN ILMU: PENGURUSAN & PENILAIAN JURNAL INSTUN DALAM MYCITE

TARIKH : 24 Februari 2026.

TEMPAT : Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Bagi memantapkan lagi penerbitan INSTUN khususnya penerbitan Jurnal INSTUN, satu sesi perkongsian ilmu telah dilaksanakan bersama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Sesi ini dihadiri oleh kakitangan Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan dan Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Dr Mohd Farhanulhakim bin Mohd Razip Wee selaku Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, JPT telah memberikan taklimat tentang proses dan kriteria penilaian pengindeksan jurnal ke MyCite. Diharapkan perkongsian ilmu ini dapat membantu proses kerja untuk menindekskan Jurnal INSTUN di MyCite.



KURSUS DALAM TALIAN: KURSUS PENGURUSAN PUSAT DATA (TME02/26)

TARIKH : 4 Februari 2026.

TEMPAT : Pelantar Zoom.



RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2026 di bawah bidang Teknologi Maklumat. Kursus ini dilaksanakan selama satu (1) hari secara dalam talian iaitu pada 4 Februari 2026.

Kursus ini telah melibatkan seramai 53 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus yang diadakan secara dalam talian ini telah dijalankan dengan menggunakan pelantar zoom di Smart Class Room (Inspire), Blok Akademik B. Kursus ini ternyata memberikan impak positif yang mana para peserta bukan sahaja memberikan tumpuan, malah berinteraksi secara aktif dengan penceramah sekali gus mewujudkan suasana pembelajaran yang sangat fleksibel dan interaktif. Peserta amat berpuas hati dengan pengisian kursus yang komprehensif merangkumi aspek standard keselamatan, ketersediaan sistem dan pengurusan tenaga yang kritikal dalam pengoperasian pusat data moden.

Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan kepada pegawai berkenaan pengurusan pusat data dari segi reka bentuk, operasi dan keselamatan berdasarkan garis panduan dan standard reka bentuk pusat data antarabangsa. Isi kandungan bagi kursus ini adalah :

- 1) Pengenalan Kepada Pusat Data
- 2) Standard Dan Garis Panduan Pusat Data
- 3) Pengenalan Kepada Reka Bentuk Pusat Data
- 4) Pengurusan Operasi & Keselamatan Pusat Data
- 5) Amalan Terbaik Pengurusan Green Data Centre
- 6) Technology Hyper Converged Infrastructure (HCI)

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dalaman Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN Ts. Lizawati Binti Zainal, Urus Setia dan semua peserta kursus yang telah menayakan kursus ini.



KURSUS REKA BENTUK KANDUNGAN DIGITAL VIDEO (CAPCUT DESKTOP)

TARIKH : 11 hingga 13 Februari 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Reka Bentuk Kandungan Digital Video (Capcut Desktop) (TM01/26) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2026 di bawah kategori Multimedia Kreatif (Digital Video). Kursus ini dilaksanakan selama tiga (3) hari, iaitu pada 11 hingga 13 Februari 2026.

Kursus ini telah melibatkan seramai 39 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (hands-on lab) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah. Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat mempelajari asas penggunaan aplikasi capcut, mempelajari teknik penggunaan tools dan features capcut dan berkemahiran untuk menghasilkan sebuah kandungan (content) video.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kuala Ketil iaitu Encik Mohammad Farihan bin Abdullah dan Encik Mohmad Ishak bin Md Ali dari Pejabat Pendidikan Daerah Baling sebagai fasilitator, serta barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menayakan kursus ini.



AKTIVITI PENYELENGGARAAN UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) BULAN FEBRUARI 2026

TARIKH : Sepanjang Bulan Februari 2026.

TEMPAT : Auditorium dan Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Satu lawatan pemeriksaan dan kefungsi sistem penyaman udara INSTUN telah selesai diadakan bagi tujuan mendapatkan laporan teknikal dan anggaran kos penggantian bagi sistem penyaman udara yang telah usang. Lawatan pemeriksaan ini diketuai oleh Tuan Jacob Raju sebagai ketua projek penggantian penyaman udara bersama kakitangan Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) dan dihadiri oleh seorang wakil penolong jurutera serta dua pembantu kemahiran dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Unit Senggara Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Perak.

Lawatan pemeriksaan ini merangkumi semua sistem menara penyejuk, sistem jenis WCPU/AHU dan sistem jenis VRV Wisma INSTUN. Pemeriksaan ini bertujuan untuk mengenalpasti kondisi, masalah dan isu yang dihadapi oleh UPF INSTUN selain menerangkan cadangan tambah baik pada sistem sedia ada. Ukuran bangunan, pelan skematik, kapasiti dan saiz motor dan pam juga telah diambil bagi tujuan kiraan kapasiti ruang mengikut keperluan reka bentuk yang baharu.



LAWATAN TAPAK BERSAMA PENGARAH – PROJEK PERIMETER PAGAR

TARIKH : 2 Februari 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Ybrs Pengarah INSTUN, Tuan Kharin Nazry bin Karim, bersama-sama Tuan Hersaiful Herwan bin Baharuddin, Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Muallim telah menjalankan lawatan tapak rasmi bagi menilai kemajuan Projek Perimeter Pagar yang sedang dalam pelaksanaan. Lawatan ini menyediakan platform untuk meneliti dengan teliti aktiviti yang sedang dijalankan, menilai pencapaian projek, serta membincangkan perkara operasi dan teknikal secara langsung dan konstruktif.

Semasa pemeriksaan di tapak, didapati kerja-kerja pemasangan berjalan dengan aktif. Pengarah mengiktiraf komitmen pasukan pelaksana serta peranan sokongan teknikal JKR, di samping menegaskan kepentingan pematuhan terhadap standard keselamatan tapak dan jadual projek yang telah ditetapkan. Maklum balas membina turut diberikan bagi menyokong penambahbaikan berterusan dan memastikan kelancaran serta kejayaan projek ini.



LAWATAN TAPAK CADANGAN PENYEWAAN SEBAHAGIAN TANAH LOT INSTUN BERSAMA JKPTG, NRES DAN INSTUN

TARIKH : 10 Februari 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Satu lawatan tapak telah dilaksanakan di kawasan cadangan penyewaan sebahagian tanah lot Institut Tanah Dan Ukur Negara (NRES). Lawatan ini telah dianjurkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bersama-sama pihak pemohon, sebagai sebahagian daripada proses penilaian dan pertimbangan terhadap permohonan penyewaan tersebut.

Lawatan ini turut disertai oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang memberikan pandangan serta input berkaitan aspek pembangunan dan kelestarian tapak. Pihak Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) pula diwakili oleh pegawai daripada Seksyen Keselamatan, mewakili Pegawai Pembangunan INSTUN.



SESI PEMBENTANGAN DAN SEMAKAN BAJET (BUDGET SCREENING) PERUNTUKAN PEMBANGUNAN ROLLING PLAN 2 (RP2) RMK13 TAHUN 2027 KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

TARIKH : 9 Februari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat BP, Aras 3, Blok F11, Kompleks F Putrajaya.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Pembentangan dan Semakan Bajet (Budget Screening) bagi Peruntukan Pembangunan Rolling Plan 2 (RP2) RMK13 Tahun 2027 merupakan platform penyelarasan rasmi antara Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi memperhalusi setiap cadangan peruntukan yang dikemukakan.

Tujuan utama sesi ini dilaksanakan adalah untuk memastikan bahawa setiap permohonan projek pembangunan oleh INSTUN mempunyai asas pertimbangan yang kukuh serta selari dengan objektif strategik kementerian dan sasaran nasional di bawah RMK13. Melalui proses semakan ini, pihak kementerian dapat menilai keutamaan setiap projek berdasarkan impaknya terhadap pemerkasaan modal insan dan kecekapan tadbir urus tanah negara, sekali gus menjamin kelestarian perbelanjaan awam yang lebih telus, berimpak tinggi, dan memenuhi keperluan teknikal masa hadapan.

Sesi ini juga bertindak sebagai mekanisme kawalan kualiti bagi memastikan semua perancangan yang dibentangkan adalah praktikal untuk dilaksanakan serta mematuhi piawaian pengurusan kewangan kerajaan yang ditetapkan.




LAWATAN TAPAK PEMBAIKAN CERUN OLEH JKR MUALLIM

TARIKH : 3 Mac 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN
PROGRAM : Satu lawatan tapak telah dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Muallim di kawasan yang mengalami runtuhan cerun di premis INSTUN. Tujuan lawatan ini adalah bagi mengambil ukuran tepat bagi mendapatkan anggaran kos bagi kerja-kerja awalan untuk projek pembaikan cerun.



PROGRAM IHYA' RAMADHAN, IFTAR, MOREH

TARIKH : 19 Februari hingga 20 Mac 2026.

TEMPAT : Surau As-Sakinah INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Hal Ehwal Islam bersama Ahli Jawatankuasa Surau As-Sakinah INSTUN telah mengadakan Program Ihya' Ramadhan Iftar dan Moreh bagi mengimarahkan setiap aktiviti yang telah disusun sepanjang bulan yang penuh barakah ini. Program ini diadakah setiap hari isnin hingga khamis. Program bermula dengan berbuka puasa, seterusnya menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Terawih secara berjemaah.

Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim sesama warga INSTUN dan memakmurkan Surau As-Sakinah agar terus menjadi pusat ibadah dan ilmu.



PROGRAM PELANCARAN IHYA' RAMADAN 1447H / 2026M

TARIKH : 12 Februari 2026.

TEMPAT : Auditorium INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Hal Ehwal Islam, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menganjurkan Program Pelancaran Ihya' Ramadan 1447H / 2026M. Program ini bertujuan menyemarakkan penghayatan Ramadan dalam kalangan warga INSTUN serta menjadi platform pengisian rohani melalui pelbagai pengisian seperti bacaan al-Quran, tazkirah penghayatan Ramadan, gimik perasmian dan penyampaian hadiah pertandingan Kahoot Isra' Mikraj.

